

19/09/1998

CFF '98 satukan karyawan filem

Akmal Abdullah

FESTIVAL Filem Komanwel 1998 (CFF '98) disifatkan berjaya menyatukan kelompok karyawan tempatan dan asing dalam usaha mengangkat martabat dan tahap keilmuan perfileman negara peserta.

Festival lima hari yang berakhir Selasa lalu juga membuktikan Malaysia membuka laluan memberangsangkan dalam usaha mengangkat mutu dan martabat filem Melayu untuk pendedahan kepada pihak luar, khususnya dari kelompok negara Komanwel.

Paling jelas, ia dijadikan wadah memperkenalkan filem tempatan untuk tatapan karyawan luar, termasuk atlit dan pegawai Kuala Lumpur '98 apabila empat filem Melayu dipertonton di perkampungan sukan Bukit Jalil.

Kepekaan pencinta filem dan karyawan tempatan terhadap CFF'98 juga jelas apabila sambutan menerusi seminar dan tayangan yang diadakan sepanjang festival menunjukkan angin perubahan dalam senario perfileman tempatan ketika ini.

Menurut jurucakap Finas, Norshah Thamby, perbadanan itu berpuas hati menjadi penganjur pertama CFF, kerana ia memberi kesan dan semangat kepada karyawan tempatan dan asing untuk tampil dengan karya lebih baik dari segi kualiti dan estetika.

Pengerusi Finas, Tan Sri Abdul Samad Idris, ketika diminta mengulas mengenai kejayaan kali pertama penganjuran CFF'98 di sini, berkata: "Ia nampak biasa saja tapi satu permulaan yang baik."

Sementara wakil dari India, Aruna Vesudev, pula berkata pertemuan dalam CFF'98 mampu mengeratkan jalinan antara pembikin filem, penulis skrip dan penerbit khususnya dari negara Asia untuk mengetengahkan filem dari rantau ini.

"Saya berpuas hati kerana setiap wakil negara masing-masing dapat mempromosikan filem mereka dan kami dapat bertukar-tukar fikiran dan idea mengenai industri ini," katanya ketika ditemui di majlis makan malam perpisahan CFF'98 di Finas, baru-baru ini.

Kejayaan festival itu juga membuktikan keprihatinan Malaysia untuk mendaulatkan perfileman dari rantau ini apabila muncul kali pertama sebagai negara penganjur dalam sejarah penubuhan Komanwel.

Ini jelas menerusi mesej Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam buku cenderamata CFF'98 apabila berkata:

"Festival yang julung-julung kalinya diadakan di negara ini pasti meningkatkan lagi imej Malaysia di mata dunia, khususnya dalam bidang perfileman. Hasrat kerajaan ialah melihat industri perfileman berkembang pesat dan berjaya menerokai pasaran luar negara."

Menerusi festival itu, sebanyak 14 filem dan 16 dokumentari dari 10 negara menyertainya dengan kehadiran 23 delegasi termasuk dari Australia, Kanada, India, Singapura, Zimbabwe dan Sri Lanka.

Selain tayangan percuma di lapan pawagam dan tiga tempat khas, seminar bertemakan `Apakah Seks, Keganasan dan Tahyul Dalam Filem Akan Menambahkan Nilai Komersil' turut diadakan.

(END)